

1. Manakah antara nama-nama perniagaan di bawah ini merupakan perniagaan milikan tunggal?
 - A. Butik Pakaian Moden
 - B. Saba Transport Sdn Bhd
 - C. Jiang Ming Ulung Berhad
 - D. Klinik Ramasamy dan rakan

2. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep pepadanan?
 - A. Sesebuah aset perniagaan perlu dipadan dengan liabiliti perniagaan berkenaan
 - B. Sesebuah perniagaan diandaikan akan terus wujud hingga ke suatu masa yang tidak diketahui
 - C. Hanya urusan berkaitan dengan perniagaan sahaja yang akan dicatatkan dalam rekod perniagaan
 - D. Untung bersih perniagaan ditentukan dengan menolak jumlah hasil dengan belanja untuk tempoh berkenaan

3. Apakah proses yang menunjukkan tatacara perakaunan yang berlaku dalam tempoh perakaunan?
 - A. Sistem perakaunan
 - B. Prinsip perakaunan
 - C. Kitaran perakaunan
 - D. Konsep perakaunan

4.

Hutang pemilik perniagaan kepada perniagaan

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A. ekuiti pemilik
- B. belanja
- C. liabiliti
- D. hasil

5. Antara yang berikut yang manakah aset semasa?

I	Stok awal
II	Stok akhir
III	Gaji terdahulu
IV	Yuran terdahulu

- A. I, II dan III
 B. I, II dan IV
 C. I, III dan IV
 D. II, III dan IV
6. Soalan 6 dan Soalan 7 berdasarkan kepada maklumat di bawah ini.

Encik Hussein telah membayar hutangnya kepada pemiutang sebanyak RM500.00 dengan menggunakan cek setelah mendapat diskaun sebanyak RM50.00

Apakah kesan urus niaga di atas kepada persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A.	Bertambah	Berkurang	Berkurang
B.	Bertambah	Bertambah	Berkurang
C.	Berkurang	Bertambah	Bertambah
D.	Berkurang	Berkurang	Bertambah

7. Berapakah jumlah yang perlu ditulis oleh Encik Hussein di atas cek kepada pemiutangnya?
- A. RM 550
 B. RM 500
 C. RM 450
 D. RM 400
8. Antara yang berikut, manakah yang **benar** mengenai nota kredit?
- A. Menambahkan harga invoice yang terkurang caj
 B. Barang rosak dikembalikan kepada pembeli.
 C. Dikeluarkan bila mengambil barang niaga
 D. Menerima pembayaran daripada pembeli

9.

MEMO	
Usaha Sama Enterprise	
66 Jalan Setongkol	
25200 Kuantan Pahang	
Kepada: Kerani Akaun	Tarikh: 21 Mei 2009
Peniaga mengambil barang niaga RM 100 untuk tujuan promosi	
Pengurus <i>Norasmaria</i>	

Di manakah akan dicatatkan urus niaga di atas

- A. Jurnal Am
 - B. Buku Tunai
 - C. Jurnal Belian
 - D. Jurnal Jualan
10. Berikut ialah petikan Buku Tunai Perniagaan Lee yang menjalankan perniagaan menjual jam

DT		BUKU TUNAI		
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2009		RM	RM	RM
Julai 7	Kedai Jam Madi		500	

Urus niaga yang manakah menerangkan catatan tersebut?

- A. Jual jam secara tunai kepada Kedai Jam Madi
 - B. Jual Jam secara kredit kepada Kedai Jam Madi
 - C. Kedai Jam Madi menjelaskan hutang kepada Perniagaan Lee secara tunai
 - D. Perniagaan Lee menerima cek penjelasan hutang daripada Kedai Jam Madi
11. Antara akaun-akaun yang berikut, manakah yang berbaki kredit?
- I. Akaun Pulangan Belian
 - II. Akaun Penghutang Nor
 - III. Akaun Sewa Diterima
 - IV. Akaun Pinjaman
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

12.

DT		Akaun Iklan		KT	
2009		RM			
Ogos 3	Belian	300			
DT		Akaun Belian		KT	
			2009		RM
			Ogos 3	Iklan	300

Urus niaga manakah yang mungkin mewakili kedua-dua akaun di atas?

- A. Mengambil barang niaga untuk tujuan pengiklanan
 - B. Menjual barang niaga sambil membuat pengiklanan
 - C. Membeli barang niaga untuk tujuan pengiklanan
 - D. Membeli aset untuk tujuan pengiklanan
13. Antara yang berikut, manakah yang merupakan tujuan penyediaan imbalan duga?
- A. Menilai prestasi perniagaan
 - B. Membuat perancangan perniagaan
 - C. Mengira jumlah keuntungan dan kerugian
 - D. Menguji ketetapan catatan bergu semasa merekod urusan niaga
14. Antara yang berikut, manakah yang menyebabkan penghutang dihapuskan sebagai hutang lapuk?
- A. Penghutang yang mampu membayar hutang
 - B. Penghutang berkenaan telah diisytiharkan mufliis
 - C. Penghutang yang tidak layak menerima diskaun diberi
 - D. Penghutang yang membayar hutangnya dengan segera
15. Bilakah pelarasan hasil dan belanja perlu dilakukan?
- A. Pada awal setiap bulan
 - B. Di awal tempoh kewangan
 - C. Apabila perniagaan ditutup
 - D. Pada akhir tempoh kewangan

16. Soalan 16 dan soalan 17 berdasarkan petikan Imbangan Duga di bawah ini

	<i>Debit (RM)</i>	<i>Kredit (RM)</i>
<i>Penghutang</i>	<i>5 000</i>	
<i>Peruntukkan hutang ragu</i>		<i>100</i>
<i>Peruntukkan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas penghutang</i>		

Catatan yang betul dalam Kunci kira-kira ialah....

A				
Kunci kira-kira				
	RM			
Penghutang	5 000			
(-) Per. Hutang ragu	250			
B				
Kunci kira-kira				
	RM			
Penghutang	5 000			
(-) Per. Hutang ragu	150			
C				
Kunci kira-kira				
	RM			
Penghutang	4 900			
(-) Per. Hutang ragu	150			
D				
Kunci kira-kira				
	RM			
Penghutang	4 900			
(-) Per. Hutang ragu	250			

17. Nilai peruntukkan hutang ragu dalam Akaun Untung Rugi ialah.....
- Hasil ; RM 250
 - Hasil ; RM 150
 - Belanja; RM 250
 - Belanja; RM 150
18. Antara yang berikut, yang manakah akan direkodkan dalam Akaun Kawalan Penghutang?
- Bank
 - Diskaun diberi
 - Pulangan keluar
 - Peruntukan hutang ragu
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
19. Berikut adalah maklumat yang diperolehi daripada Sahabat Trading.

2008		RM
Jan.1	Baki debit lejar jualan	4 400
Dis.31	Bayaran oleh penghutang	25 600
	Diskaun diberi	580
	Pulangan masuk	590
	Hutang lapuk	345
	Baki debit lejar jualan	2 840

Berapakah jualan kredit Sahabat Trading?

- RM19 875
 - RM24 385
 - RM25 555
 - RM34 355
20. Kesilapan ketara akan memberi kesan terhadap semua yang berikut, **kecuali..**
- Pelarasan
 - Imbangan Duga
 - Penyata Pendapatan
 - Kunci kira-kira

21. Bayaran membaiki kenderaan RM2 000 dengan cek tersilap rekod ke akaun kenderaan. Bagaimanakah kesilapan ini diperbetulkan dalam jurnal Am?

	Butir	Debit (RM)	Kredit(RM)
A	Kenderaan	2 000	
	Bank		2 000
B	Baiki kenderaan	2 000	
	Kenderaan		2 000
C	Baiki kenderaan	2 000	
	Bank		2 000
D	Kenderaan	2 000	
	Baiki kenderaan		2 000

22. Apakah yang menyebabkan baki akhir Buku Tunai berbeza dengan baki Penyata Bank?

- Penghutang membayar terus ke akaun bank peniaga
- Peniaga mendebitkan dividen yang diterima di ruangan bank
- Penerimaan cek-cek daripada pelanggan telah dikreditkan oleh pihak bank
- Pembayaran menggunakan cek kepada pemiutang telah didebitkan oleh Pihak bank

23. Encik Badrul bercadang hendak memulakan perniagaan Pakaian Batik di Kuala Rompin pada 1 Mac 2009.

Data berikut menunjukkan petikan belanjawan tunai Encik Badrul.

Perkara	Mac	April	Mei
Baki b/b			X
Penerimaan			
Modal	15 000		
Pinjaman	30 000		
Jualan	1 500	7 450	8 195
Jumlah Penerimaan	Y	Z	
Pembayaran			
Belian	18 500	1 340	1 608
Upah	1 200	1 200	1 200
Jumlah pembayaran	19 700	2 540	2 808
Baki h/b	Q		

Berapakah nilai **X**?

- RM 4 910
- RM 9 990
- RM 31 710
- RM 34 250

24. Pemilik Perniagaan Anis telah membeli insurans untuk kedainya pada 1 Jun 2008 dengan premium berjumlah RM 840 setahun. Tempoh perakaunannya berakhir pada 31 Disember 2008.

Apakah pelarasan yang perlu diambil kira pada 31 Disember 2008?

- A. Insurans terakru RM420
 B. Insurans terakru RM350
 C. Insurans terdahulu RM350
 D. Insurans terdahulu RM420
25. Fitri, Faris dan Faisal adalah pekongsi dalam Perkongsian Gemilang. Mereka berkongsi untung atau rugi dengan nisbah 2 : 1 : 1.

Maklumat berikut diperoleh dari buku Perkongsian Gemilang.

Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi Tahun Berakhir 31 Ogos 2009					
	RM	RM		RM	RM
Faedah atas modal			Untung bersih		20 000
Fitri	2 000		Faedah atas ambilan:		
Faris	1 000		Fitri	70	
Faisal	1 000		Faris	50	
		4 000	Faisal	40	
					160
Gaji Faris		6 000			

Hitung pembahagian untung atau rugi pekongsi.

	Fitri	Faris	Faisal
A	Rugi RM5 080	Rugi RM2 540	Rugi RM2 540
B	Rugi RM2 540	Rugi RM5 080	Rugi RM5 080
C	Untung RM5 080	Untung RM2 540	Untung RM2 540
D	Untung RM2 540	Untung RM5 080	Untung RM5 080

26. Antara berikut, manakah yang *bukan* kelebihan perkongsian berbanding dengan milikan tunggal?
- A. Modal yang besar
 B. Risiko di tanggung bersama antara pekongsi
 C. Persaingan antara perniagaan dapat diwujudkan
 D. Pekongsi dapat berkongsi pengetahuan dan pengalaman

27. Semua yang berikut menyebabkan berlaku kurangan dalam akaun modal pekongsi **kecuali**
- A. sumbangan modal pekongsi yang tinggi
 - B. pekongsi membuatambilan yang sedikit
 - C. nilai aset yang diambil alih terlalu rendah
 - D. pekongsi terpaksa menanggung rugi realisasi
28. Setelah perkongsian dibubarkan, bahagian debit Akaun Bank tercatat butiran " Modal Jamal" berjumlah RM 1 500. Mengapakah perkara ini berlaku?
- A. Jamal terpaksa membayar kekurangan modalnya kepada perkongsian akibat pembubaran
 - B. Jamal dibayar RM 1 500 setelah pembubaran setelah pembubaran
 - C. Akaun Modal Jamal berbaki kredit
 - D. Akaun Modal Jamal berbaki debit
29. Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Manis Manja Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2008.

Modal diterbitkan dan Berbayar

800 000 unit saham biasa bernilai RM1.00 sesaham
400 000 unit 6% saham keutamaan bernilai RM1.00 sesaham

Lembaga pengarah mengisytiharkan dividen saham biasa sebanyak 20 sen sesaham.

Berapakah jumlah dividen saham biasa?

- A. RM480 000
 - B. RM160 000
 - C. RM100 000
 - D. RM80 000
30. Yuran terdahulu dalam kunci kira-kira Kelab dan Persatuan ditunjukkan sebagai
- A. aset semasa
 - B. liabiliti semasa
 - C. dana terkumpul
 - D. aset bukan semasa

31. Berikut ialah Kunci Kira-kira Syarikat Gerak Maju Berhad pada 31 Disember 2008

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2008 (petikan)		
	EKUITI PEMILIK	
	X	RM
	400 000 4% saham keutamaan RM 2.00 sesaham	800 000
	1 000 000 saham biasa RM1.00 sesaham	1 000 000
		<u>1 800 000</u>
	Y	
	300 000 4% saham keutamaan RM2.00 sesaham	600 000
	500 000 saham biasa RM1.00 sesaham	500 000
		<u>1 100 000</u>

Apakah tajuk yang tepat untuk X dan Y?

	X	Y
A	Modal Dibenarkan	Modal Belum Diterbitkan
B	Modal Berbayar	Modal Dibenarkan
C	Modal Dibenarkan	Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh
D	Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	Modal Dibenarkan

32. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Cahaya Bulan

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Dis.2008 (petikan)	
	RM
Penerimaan:	
Yuran	3 640
Maklumat tambahan	
(i) Yuran tertunggak pada 1 Januari 2008 ialah RM420	
(ii) Yuran terdahulu pada 31 Disember 2008 ialah RM180	

Hitung jumlah yang akan direkod dalam akaun pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008.

- A. RM4 240
- B. RM3 880
- C. RM3 400
- D. RM3 040

33. Puan Hasmah, pemilik perniagaan Ummi merupakan peniaga runcit yang mengamalkan rekod tidak lengkap.

Berikut adalah aset dan liabiliti Perniagaan Ummi pada 31 Ogos 2009.

	RM
Kenderaan	20 000
Penghutang	8 000
Pemiutang	4 500
Stok	11 200
Sewa diterima terakru	560
Maklumat tambahan:	
Kadar susut nilai kenderaan 10%	

Berapakah modal pada 31 Ogos 2009?

- A. RM28 260
B. RM32 140
C. RM33 260
D. RM34 140
34. Melalui kaedah perbandingan, maklumat-maklumat di bawah boleh dihitung, **kecuali...**
- A. Ambilan
B. Hasil terakru
C. Modal tambahan
D. Untung atau rugi bersih
35. Antara yang berikut, yang manakah dikategorikan sebagai kos overhead
- I. Sewa kilang
II. Gaji Penyelia
III. Susut nilai mesin
IV. Upah operator kilang
- A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV

36. Soalan 36 dan soalan 37 berdasarkan maklumat di bawah ini.

	RM
Kos tetap	15 000
Kos berubah seunit	5.00
Margin sumbangan seunit	3.00

Kirakan harga jualan seunit

- A. RM8.00
- B. RM5.00
- C. RM3.00
- D. RM2.00

37. Kirakan titik pulang modal dalam ringgit.

- A. RM10 000
- B. RM15 000
- C. RM25 000
- D. RM40 000

38. Pernyataan di bawah merujuk kepada satu nisbah.

Mengukur peratus penambahan pada kos barang untuk mendapat harga jualan

Nisbah di atas ialah

- A. Tokokan
- B. Pusing ganti stok
- C. Margin untung kasar
- D. Pusingan atas modal

39. Data di bawah diperolehi daripada buku akaun Puan Teo bagi tahun berakhir 31 Julai 2009.

	RM
Stok awal	9 000
Stok akhir	8 000
Kos jualan	45 000

Hitungkan kadar pusing ganti stok

- A. 2.6 kali
 B. 5 kali
 C. 5.3 kali
 D. 5.6 kali
40. Rajah di bawah adalah sebahagian maklumat dalam lembaran hampan elektronik (LHE) yang disediakan oleh perniagaan Sazny.

	A	B	C
1	PERNIAGAAN SAZNY		
2	<u>Imbangan duga pada 31 Disember 2008</u>		
3		Debit	Kredit
4		RM	RM
5	Kenderaan	55 000	
6	Perabot	4 300	
7	Penghutang	23 220	
8	Pemiutang		28 000
9			

Apakah sel bagi butir penghutang?

- A. Sel A7
 B. Sel B7
 C. Sel 7A
 D. Sel 7B

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAGIAN A*[Jawab Semua Soalan]*

1. Haji Hussain pemilik perniagaan Ben Wahab Trading merupakan pembekal bahan minuman pracampuran di Raub, Pahang Darul Makmur.

Berikut merupakan aset dan liabiliti perniagaan pada 1 Julai 2009.

	RM
Tunai di tangan	850
Tunai di Perwira Bank	22 550
Stok	3 500
Perabot	9 500
Pemiutang: Segar Rasa Sdn Bhd	2 400
Modal	34 000

Lampiran A menunjukkan dokumen perniagaan Ben Wahab Trading berdasarkan urus niaga sepanjang bulan Julai 2009.

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan catatan ke buku catatan pertama yang sesuai termasuk Buku Tunai (Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak perlu ditunjukkan)
- [11 markah]
- (b) Memindahkan catatan daripada buku-buku catatan pertama ke lejar.
- [11 markah]
- (c) Mengimbangkan akaun-akaun dan menyediakan imbangan duga pada 31 Julai 2009.
- [7 markah]

2. Perkongsian Hijau Bumi dimiliki oleh Encik Osman Ali dan Encik Ghafur Salleh yang berkongsi untung rugi mengikut nisbah modal.

Ikatan perkongsian antara mereka memersetujui;

- i Ambilan dikenakan faedah 4% setahun.
- ii Faedah sebanyak 6% setahun akan dibayar atas modal tetap
- iii Gaji akan dibayar kepada Osman Ali sebanyak RM9 000 setahun.
- iv Sebarang pinjaman dari rakan kongsi akan di bayar faedah 8% setahun.

Berikut adalah Imbangan Duga perniagaan pada 30 April 2009:

Imbangan Duga pada 30 April 2009.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Bank	15 127	
Belian dan Jualan	31 200	57 150
Pulangan		226
Diskaun		449
Pinjaman daripada Osman Ali		12 000
Faedah pinjaman Osman Ali	600	
Insurans	548	
Promosi	277	
Sewa	4 800	
Kadar bayaran	1 300	
Gaji Osman Ali	3 700	
Gaji pekerja	6 375	
Van	51 000	
Penghutang dan Pemiutang	2 640	3 195
Ambilan Ghafur Salleh	1 200	
Modal pada 1 Mei 2008		
Osman Ali		18 000
Ghafur Salleh		27 000
	118 020	118 020

Maklumat tambahan :-

- (i) Stok pada 30 April 2009 bernilai RM 6 110 mengikut harga pasaran dan RM 5 560 mengikut harga kos.
- (ii) Jualan barangniaga secara kredit berjumlah RM 300 masih belum direkod di mana-mana buku.
- (iii) Wujudkan peruntukan hutang ragu 5% atas penghutang.
- (iv) Pinjaman daripada Osman Ali adalah untuk tempoh 3 tahun.
- (v) Ambilan oleh Ghafur Salleh dibuat pada 1 September 2008.

Anda dikehendaki menyediakan :-

- (a) Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 30 April 2009. [13 markah]
- (b) Kunci kira-kira pada 30 April 2009 dengan menunjukkan modal kerja. [6 markah]

- 3 Maklumat berikut dipetik daripada buku-buku Kelab Seri Baiduri pada 31 Disember 2008

- (i) Penerimaan sepanjang tahun 2008

	RM
Yuran Masuk	450
Yuran ahli	3 700
Kutipan Sukaneka	4 320

- (ii) Pembayaran sepanjang tahun 2008

	RM
Belanja Sukaneka	3 200
Upah	650
Surat Khabar	200
Alat tulis	500
Kadar bayaran	330
Komputer	4 700
Derma	420

(iii)	Baki	1 Januari 2008	31 Disember 2008
		RM	RM
	Yuran ahli tertunggak	60	80
	Yuran ahli terdahulu	-	35
	Alatan pejabat	2 000	?
	Bangunan	25 000	25 000
	Surat khabar terakru	20	45
	Stok alat tulis	140	160
	Bank	8 700	7 170

Maklumat tambahan :

- (i) Bayaran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan hasil.
 (ii) Alatan pejabat disusutnilaikan 10 % setahun.

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Akaun Yuran
 b) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008
 c) Penyata Pengiraan Dana Terkumpul pada 1 Januari 2008

[10 markah]

- 4 Encik Umar seorang eksekutif akaun Segar Rasa Sdn Bhd telah mendapati baki penyata bank bertarikh 31 Mac 2009 yang menunjukkan baki yang berbeza daripada baki buku tunai yang beliau sediakan.

Berikut merupakan ringkasan penyata penyesuaian bank yang telah beliau sediakan pada bulan Februari 2009;

Cek belum kemuka:	Tualang Berhad	RM 281
	Sykt Hijau Bumi Berhad	RM 313
Deposit Belum kredit:	Elli Enterprise	RM 134

Buku Tunai (ruangan bank sahaja)

<i>Tarikh</i>	<i>Butir</i>	<i>RM</i>	<i>Tarikh</i>	<i>Butir</i>	<i>No Cek</i>	<i>RM</i>
2009 Mac-			2009			
02	Jualan	1350	Mac-01	Baki b/b		535
3	Afiq Enterprise	660	3	Mesin daftar tunai	330031	666
8	Kedai Kami	1110	7	Belian	330032	500
10	Juara Tomyam	815	12	Juara Bhd	330033	1005
15	Pasar Mini Mimi	202	15	Perniagaan An Nur	330034	1818
22	Ah Lee Store	445	17	Kadar bayaran	330035	2060
23	Asia Store	1410				
26	Bernas Seloka	342				
31	Baki h/b	250				
		6584				6584

PENYATA BANK**HSBC BANK MALAYSIA BERHAD**

Segar Rasa Sdn Bhd
27, Jln Dahlia 1, Tmn Dahlia
Temerloh, Pahang Darul Makmur

Tarikh: 31-Mac-09
No. Akaun : 3300-313-3366

Tarikh	Butir	No Cek	Debit	Kredit	Baki
2009					
Mac 1	Baki b/b				(75)
2	Deposit			1350	1275
3	Deposit			134	1409
4	Deposit			660	2069
5	Cek	330029	281		1788
6	Cek	330031	666		1122
7	Arahan Debit- Jojo Bhd		367		755
10	Deposit			815	1570
15	Cek	330032	500		1070
17	Cek	330030	313		757
18	Deposit			1110	1867
19	Cek	330033	1005		862
22	Cek	330035	2060		(1198)
25	Deposit			1410	212
27	Faedah atas overdraft		32		180
28	Dividen - R Husin Bhd			610	790
29	Deposit			432	1222

Maklumat tambahan;

- i. Cek yang diterima pada 15 Mac 2009 dipulangkan oleh bank dengan tanda "rujuk penyuruh bayar".
- ii. Cek yang diterima pada 26 Mac dan dikreditkan oleh bank pada 29 Mac 2009 dikenalpasti berlaku kesilapan dalam buku tunai.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata penyesuaian bank pada 31 Mac 2009 bermula dari baki penyata bank. [10 markah]

BAHAGIAN B

[Jawab mana-mana satu soalan.]

- 5 a) Maklumat berikut diperolehi daripada buku Rashidi Enterprise. Tempoh perakaunan berakhir pada 30 September tiap-tiap tahun.

Tahun	2007	2008
Penghutang	RM5 600	RM6 850

Pada 30 September 2008 seorang penghutang telah diisytiharkan mufliis dan hutangnya berjumlah RM150 dihapuskan sebagai hutang lapuk. Rashidi Enterprise telah menetapkan peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 4 % daripada penghutang bersih.

Anda dikehendaki menyediakan :

- i. Akaun Penghutang bagi tahun 2008
- ii. Akaun Peruntukan Hutang Ragu bagi tahun 2007 dan 2008

- b) Berikan sebab peniaga menyediakan peruntukan hutang ragu.

- c) Pada 1 Januari 2005, sebuah kenderaan dibeli dengan harga RM70 000 oleh Perniagaan Maju Makmur. Kenderaan tersebut disusut nilai pada kadar 10 % setahun mengikut kaedah garis lurus. Pada 31 Disember 2008, kenderaan tersebut dijual pada harga RM47 500 setelah mengambil kira susut nilai tahun 2008.

Anda dikehendaki menyediakan:

- i. Akaun Peruntukan Susut Nilai Kenderaan bagi tahun berakhir 2008
- ii. Akaun Pelupusan Kenderaan

- d) Terangkan sebab-sebab sesuatu aset semasa mengalami susut nilai

[12 markah]

LAMPIRAN A

SALINAN

INVOIS

IN:01101

BEN WAHAB TRADING

313B, Wisma HD, Jalan Tengku Bakar,
26700 Raub, Pahang.

*Kepada:***BERKAT ENTERPRISE**

Jalan Cheroh, Raub

Tarikh : 02 / 07 / 2009

Bil	Butiran	Kuantiti	Hg/unit		Jumlah	
1	Kopi Pracampuran Hebat	30 kotak	30	00	900	00
2	Teh Halia Madu	30 kotak	40	00	1 200	00
					2 100	00
<i>Tolak</i> Diskaun niaga 10%					210	00
JUMLAH					1 890	00

(Ringgit Malaysia: Satu ribu lapan ratus Sembilan puluh shj)

Syarat :5% 7 hari, 2% 14 hari

Haji Hussain
Pengurus

DOKUMEN 1

ASAL	NOTA KREDIT				NK:0801	
SEGAR RASA SDN BHD						
333, Jalan Sudirman, 28000 Temerloh, Pahang.						
<i>Kepada</i>						
BEN WAHAB TRADING						
Jalan Tengku Bakar, Raub				<i>Tarikh : 03 / 07 / 2009</i>		
<i>Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:</i>						
Bil	Butiran	Kuantiti	Hg/unit		Jumlah	
1	Teh Halia Madu	5 kotak	30	00	150	00
					150	00
<i>Tolak Diskaun niaga 20%</i>					30	00
JUMLAH					120	00
 <i>(Ringgit Malaysia: Satu ratus dua puluh sahaja)</i>						
Syarat :5% 7 hari, 2% 14 hari						
						<i>Umar</i> Pengurus

DOKUMEN 2

ASAL	RESIT RASMI	NO:111/09	
	SEGAR RASA SDN BHD 313, Jalan Sudirman, 28000 Temerloh, Pahang.		
		<i>Tarikh :</i> 05 / 07 / 2009	
<i>Terima daripada</i>	: BEN WAHAB TRADING		
<i>Ringgit Malaysia</i>	: Dua ribu satu ratus enam puluh enam sahaja		
<i>Kerana</i>	: Jelaskan hutang (Diskaun tunai RM114)		
	<table border="1"><tr><td>RM2 166.00</td></tr></table>	RM2 166.00	
RM2 166.00			
	Tunai/No Cek PBB 313101		
		<i>Umar</i> Pengurus	

DOKUMEN 3

SALINAN	BIL TUNAI	NO:04404			
BEN WAHAB TRADING					
313B, Wisma HD, Jalan Tengku Bakar, 26700 Raub, Pahang.					
<i>Kepada:</i>					
JUARA KAFETARIA					
Jalan Besar, Karak		<i>Tarikh :</i> 06 / 07 / 2009			
Bil	Butiran	Kuantiti	Hg/unit	Jumlah	
1	Kopi Pracampuran Hebat	10 kotak	25 00	250	00
2	Teh Halia Madu	10 kotak	33 00	330	00
JUMLAH				580	00

(Ringgit Malaysia: Lima ratus lapan puluh sahaja)

Tunai/~~No-Cek~~

Haji Hussain
Pengurus

DOKUMEN 4

PERWIRA BANK BERHAD		
Cawangan Raub		
<i>Tarikh</i>	: 07 / 07 / 2009	
<i>Penerima</i>	: ENCIK MARJOKO	
<i>Tujuan</i>	: Gaji	
	RINGGIT	SEN
Baki akhir	21 034	00
Dimasukkan	-	
Jumlah	21034	00
Cek ini	1 200	00
Baki	19 834	00
No. 313102		

**KERATAN
CEK**

DOKUMEN 5

ASAL	INVOIS		No:03300			
PERUSAHAAN ALAM JATI						
Lot 624, Jalan 2, Taman Pine, 27000 Jerantut, Pahang						
<i>Kepada:</i>						
BEN WAHAB TRADING						
313B, Wisma HD, Jalan Tengku Bakar, 26700 Raub, Pahang.						
						<i>Tarikh :13 / 07 / 2009</i>
Bil	Butiran	Kuantiti	Hg/unit		Jumlah	
1	Goji Soya	100 kotak	40	00	4 000	00
2	Koko Segar	80 kotak	25	00	2 000	00
					6 000	00
<i>Tolak Diskaun niaga 10%</i>					600	00
JUMLAH					5 400	00
 (Ringgit Malaysia: Lima ribu empat ratus shj)						
Syarat :5% 7 hari, 2% 14 hari						
						<i>Sabaruddin</i> Pengurus

DOKUMEN 6

MEMO	NO:11/09
BEN WAHAB TRADING 313B, Wisma HD, Jalan Tengku Bakar, 26700 Raub, Pahang.	
<i>Tarikh</i> : 14 / 07 / 2009	
Mengambil dua kotak koko segar berkos RM25.00 sekotak untuk kegunaan keluarga.	
<i>Haji Hussain</i> Pengurus	

DOKUMEN 7

ASAL	RESIT RASMI	NO:191/09	
AN-NUR SDN BHD Lot 11, Jalan Kuala Lipis, 26700 Raub, Pahang.			
<i>Tarikh</i> : 18 / 07 / 2009			
<i>Terima daripada</i>	: BEN WAHAB TRADING		
<i>Ringgit Malaysia</i>	: Dua ribu tujuh ratus shj		
<i>Kerana</i>	: kos membina 2 unit rak pameran		
<table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td>RM2 700.00</td> </tr> </table>			RM2 700.00
RM2 700.00			
Tunai/No Cek PBB 313102			
<i>Wagiman Kartoyo</i> Pengurus			

DOKUMEN 8

SALINAN	RESIT RASMI	NO:112/09	
BEN WAHAB TRADING			
313B, Wisma HD, Jalan Tengku Bakar, 26700 Raub, Pahang.			
<i>Tarikh :</i> 21 / 07 / 2009			
<i>Terima daripada</i>	: BERKAT ENTERPRISE		
<i>Ringgit Malaysia</i>	: Satu ribu lapan ratus Sembilan puluh sahaja		
<i>Kerana</i>	: Menjelaskan invoice NO 01101		
<table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td style="text-align: center;">RM1 890.00</td> </tr> </table>			RM1 890.00
RM1 890.00			
Tunai/No Cek BCB 221010			
<i>Haji Hussain</i> Pengurus			

DOKUMEN 9

SALINAN	INVOIS	IN:01102		
BEN WAHAB TRADING				
313B, Wisma HD, Jalan Tengku Bakar, 26700 Raub, Pahang.				
<i>Kepada:</i>				
MIMI KAFETARIA				
Jalan Loke Yew, Bentong				
<i>Tarikh :</i> 23 / 07 / 2009				
Bil	Butiran	Kuantiti	Hg/unit	Jumlah
1	Goji Soya	10 kotak	50 00	500 00
2	Koko Segar	20 kotak	30 00	600 00
3	Teh Halia Madu	10 kotak	40 00	400 00
				1 500 00
<i>Tolak Diskaun niaga 10%</i>				150 00
JUMLAH				1 350 00
<i>(Ringgit Malaysia: Satu ribu tiga ratus lima puluh shj)</i>				
Syarat :5% 7 hari, 2% 14 hari				
<i>Haji Hussain</i> Pengurus				

DOKUMEN 10

BAUCER PEMBAYARAN

NO:091/09

BEN WAHAB TRADING313B, Wisma HD, Jalan Tengku Bakar,
26700 Raub, Pahang.*Kepada:***KALPAL SINGH**

Jalan Cheroh, Raub

Tarikh : 24 / 07 / 2009

Bil	Butiran	Jumlah	Tandatangan Penerima
	Membayar polisi insuran perniagaan dengan tunai bagi tempoh setahun bermula Ogos 2009.	600.00	<i>Kalpal</i>

Tunai/No Cek

Haji Hussain
Pengurus

DOKUMEN 11

SALINAN	NOTA DEBIT	No:0100			
<p>BEN WAHAB TRADING 313B, Wisma HD, Jalan Tengku Bakar, 26700 Raub, Pahang.</p>					
<p><i>Kepada:</i> MIMI KAFETARIA Jalan Loke Yew, Bentong</p>					
		<i>Tarikh : 27 / 07 / 2009</i>			
Bil	Butiran	Kuantiti	Hg/unit	Jumlah	
1	Goji Soya	100 kotak	4 00	400	00
				400	00
<i>Tolak Diskaun niaga 10%</i>				40	00
JUMLAH				360	00
<p><i>(Ringgit Malaysia: Tiga ratus enam puluh shj)</i></p> <p><i>Syarat : 5% 7 hari, 2% 14 hari</i></p>					
					<p><i>Haji Hussain</i> Pengurus</p>

DOKUMEN 12

PERWIRA BANK BERHAD								
WANG TUNAI MASUK								
<i>Nama :</i>		BEN WAHAB TRADING			<i>Tarikh :</i>		29 / 07/2009	
<i>Ringgit :</i>					<i>Kegunaan Pejabat</i>			
LIMA RATUS SAHAJA					<i>Diluluskan</i>			
100	50	20	10	5	1	<i>Jumlah</i>		RM500.00
						<i>Tandatangan</i> John Palarie		

DOKUMEN 13

KERTAS SOALAN TAMAT